



NOTIS SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor - kontraktor yang mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputra serta berdaftar Lesen Premis Perniagaan dan papan iklan, Majlis Daerah Bera dengan Gred, Kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja seperti berikut :-

Bil.	Bil. Sebutharga/ Tajuk Sebutharga	Gred / Kategori / Pengkhususan	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen	Tempat, Tarikh & Waktu Sebutharga Ditutup
1.	MDB / KEJ / 18 / 2022 Menaiktaraf Pasar Malam Bandar Bera (Program Transformasi Pasar Malam 2022) untuk Majlis Daerah Bera, Pahang Darul Makmur.	G2 CE21 & E04 / E11	Jabatan Kejuruteraan 31 Oktober 2022 (Isnin) Hingga 07 November 2022 (Isnin)	RM 20.00 (tidak akan dikembalikan)	Jabatan Kejuruteraan Dan Bangunan, Aras 2, Majlis Daerah Bera, 28200 Bandar Bera, Pahang Darul Makmur. Tarikh Tutup :- 08 November 2022 (Selasa) Masa :- Sebelum atau pada jam 12.00 tengahari
2.	MDB / KEJ / 19 / 2022 Membaikpulih Jalan Kampung dan Infrastruktur Asas Dun Guai, Daerah Bera, Pahang Darul Makmur	G2 E04 / E11			

Kontraktor juga dikehendaki berdaftar (pendaftaran kontraktor) dengan Majlis Daerah Bera di mana bayaran pendaftaran adalah RM100.00 bagi pendaftaran baru atau RM50.00 bagi pembaharuan.

Borang sebutharga akan dikeluarkan kepada Pemilik Lesen yang sah sahaja. Kontraktor dikehendaki membawa (Salinan Asal) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputra dan Lesen Premis Perniagaan dan Papan Iklan, Majlis Daerah Bera. Satu salinan fotostat sijil-sijil berkenaan juga perlu dikemukakan semasa pendaftaran.

Semua Borang Sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bersaiz A4 serta ditulis No. Rujukan sebutharga di penjurusan sebelah kanan sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Bera.

(HALIMI BIN IDRIS)

Setiausaha

Majlis Daerah Bera

Tarikh : 26/10/2022

s.k : - CIDB Cawangan Pahang.
- Persatuan Pemborong Cawangan Bera

- PKK Cawangan Pahang
- Jawatan Kuasa Pembuka Sebutharga